Prompter disediakan

UCAPAN

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN DISEMBER 2024 DAN SAMBUTAN HARI INOVASI DAN KUALITI KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

PADA

4 DISEMBER 2024 (RABU) | 8:30 PAGI

LOKASI

DEAN SRI LESTARI, ARAS B1

KKDW

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

SALUTASI
(Akan disediakan pada hari program)

MUKADDIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT pada hari ini genaplah **dua tahun saya menerajui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah** serta memegang amanah sebagai **Timbalan Perdana Menteri**.

2. Masih segar di ingatan saya, ketika pertama kali melangkah masuk ke lobi utama kementerian ini. Banyak persoalan yang bermain di fikiran. Saya yakin, bukan saya sahaja yang tertanya-tanya, malah ramai di hadapan saya ini turut bertanya – **apa yang akan Zahid Hamidi bawa pula ke KKDW ini?**

3. Jika masih ingat, **apakah langkah pertama yang saya ambil?** Saya terus arahkan pegawai saya untuk bertemu semua kepimpinan di pelbagai peringkat.

4. Saya tidak hanya bertemu dengan agensi-agensi besar seperti **MARA, FELCRA, RISDA, JAKOA, dan KEMAS**. Sebaliknya, saya berjumpa ke **Bahagian-Bahagian di dalam Kementerian**. Kenapa? Sebab saya ingin memahami secara menyeluruh bagaimana setiap unit berfungsi, sebelum kita bersama-sama mencipta **'game-changer'**, menetapkan **KPI**, dan melaksanakan **'quick-wins'** yang boleh diraih bersama. **Ingat lagi?**

5. Alhamdulillah, *two years down the road* - kita telah membina kekuatan sebagai sebuah keluarga besar melalui pelbagai cabaran, melalui kisah suka dan duka, menempuhi rintangan dan halangan - yang membolehkan kita berbangga menjadi warga KKDW.

6. **We set our standards high in the first year, and this year, we are soaring even higher.** Namun, seperti yang selalu kita ungkapkan – **mencapai kejayaan itu sukar, tetapi mempertahankan kejayaan jauh lebih mencabar.**

7. But as the old saying goes, *"The future belongs to those who believe in the beauty of their dreams."* Seperti itu juga lah kita perlu terus percaya, berusaha, dan bersama-sama merealisasikan aspirasi desa yang kita semua impikan.

SOROTAN PERJALANAN 2024

Hadirin dan hadirat sekalian

8. Jika masih ingat, pada ucapan amanat awal tahun – saya telah memperkenalkan Aspirasi Desa Madani yang memperjelaskan teras utama yakni **Kemahiran dan Pengetahuan**, **Keberkesanan dan Kecekapan**, **Data dan Digital**, serta **Wow-Factor** – sebagai peta hala tuju yang menjadi asas kepada pelbagai program yang kita laksanakan sepanjang tahun ini.

9. Kemudian, bagi memastikan impak yang tinggi, kita telah merangka beberapa pendekatan strategik yang menjadi *game-changer* dalam pembangunan desa. Antaranya ialah **Desa to Global (D2G)**, **Profit Center Thinking**, **After Sales Service**, **Success Story on TVET**, dan **Halal to Global (H2G)**. Tanpa kita sedari, semua inisiatif ini telah menjadi sebahagian daripada tema besar atur kerja kita.

10. Selepas itu, dalam Majlis Pemukiman pertama, saya mengesyorkan pendekatan *5W1H* untuk memahami situasi dan menganalisis tindakan secara menyeluruh. Saya juga menekankan konsep *Wahdatul Fikir, Wahdatul Qalb, dan Wahdatul A'mal* – kesatuan fikiran, hati, dan tindakan - yang menjadi kunci kejayaan kita.

11. Dalam pada yang sama, saya bertemu dengan semua pemimpin syarikat milikan agensi KKDW, dan menegaskan keperluan untuk **mengamalkan *Profit Centre Thinking*.** Alhamdulillah, kita dapat melihat pencapaian luar biasa daripada syarikat-syarikat milikan agensi - yang mencatatkan keuntungan membanggakan.

12. Seterusnya, saya telah meminta untuk diadakan Pemukiman Pertengahan Tahun *or a mid-term review* - kerana saya mahu apa jua yang kita rancang awal tahun tidak hanya umpama *melepaskan batuk di tangga* tetapi mesti melepasi sasaran yang kita bersama tetapkan.

13. Kenapa saya rangkumkan dan *re-cap* semua ini? saya nak buktikan kepada seluruh warga KKDW, bahawa konsep, pendekatan, dan saranan yang pernah kita sematkan bersama bukan lah sekadar slogan atau kata-kata indah semata-mata - tetapi kita berjaya menjadikan KKDW antara Kementerian yang terbaik dari sudut prestasi

pengurusan dan impaknya kepada rakyat khususnya di kawasan desa.

14. Banyak kejayaan yang membanggakan dicipta khususnya dalam tiga bidang utama seperti pendidikan, ekonomi, dan pembangunan infrastruktur desa. Bagi **memperkasa bidang pendidikan** contohnya:

i. Pertama, **program TVET Tahfiz** tahun ini yang menggabungkan elemen kemahiran dan hafazan al-Quran telah berjaya melatih 1,366 pelajar sehingga 31 Oktober 2024, melebihi sasaran yang ditetapkan 1,217 pelajar.

ii. Kedua, **Program Pra Tahfiz KEMAS** telah melahirkan 54,885 kanak-kanak menguasai lebih daripada 10 surah, menghampiri sasaran 62,175 kanak-kanak; dan

iii. Ketiga, seramai 104 orang murid **Orang Asli cemerlang SPM tahun 2023 yang memperolehi 5A ke atas** manakala bagi **STPM, seramai 37 orang murid Orang Asli telah memperolehi PNGK 2.80 ke atas** dari seluruh Semenanjung Malaysia.

15. Dari sudut **pembangunan ekonomi** pula, KKDW juga mencatat prestasi cemerlang dan melebihi sasaran tahun ini dengan:

i. Pertama, **Program TVET Teknopreneur** telah berjaya melatih seramai 1,486 graduan (135.1% daripada sasaran) mengikuti program ini di Institusi Pendidikan MARA (IPMA);

ii. Kedua, **Program Pendigitalan Usahawan Desa** membantu 1,224 usahawan (102% daripada sasaran) memanfaatkan platform e-dagang di lima (5) lokasi terlibat; dan

16. Manakala untuk **pembangunan infrastruktur desa** pula, KKDW terus mencatat pencapaian memberangsangkan Antaranya yang saya sebutkan:

i. Pertama, **Projek Biogas FELCRA Jayaputra** oleh FELCRA telah diiktiraf sebagai loji terbesar di Malaysia;

ii. Kedua, melalui **Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS)** kita telah membina 1,200 rumah baharu dan 5,602 rumah telah dibaikpulih;

iii. Ketiga, melalui **Program Ameniti Sosial,** 522 projek telah berjaya dilaksanakan berbanding sasaran awal 400 projek; dan

iv. Keempat, sebanyak 1,272 rumah menerima **bekalan elektrik,** dan 4,737 rumah **dibekalkan air** yang memberi manfaat masing-masing kira-kira 6,360 dan 23,685 penduduk desa.

17. Pencapaian ini adalah hasil usaha gigih dan komitmen anda semua. Saya mahu kita terus melipatgandakan usaha dan sentiasa menyantuni 8.1 juta masyarakat desa di seluruh negara. Saya mahu tiada satu kawasan desa pun ketinggalan.

18. Saya percaya ini kelebihan yang kita lakukan juga menambat perhatian YAB Perdana Menteri untuk memberikan peruntukan tambahan kepada KKDW pada belanjawan 2025 sebanyak RM11.96 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM405.27 juta atau 3.51 peratus berbanding tahun 2024.

PENGIKTIRAFAN DAN ANUGERAH INOVASI

Hadirin sekalian,

19. **Dalam kita meraikan Hari Inovasi pada hari ini,** saya ingin menekankan bahawa budaya inovasi perlu dilonjakkan dengan lebih drastik. Hanya dengan inovasi yang berterusan, Kementerian kita akan kekal kompetitif dan berdaya saing melalui pemikiran yang kreatif dan inovatif.

20. Untuk mencapai matlamat ini, **saya menyeru agar kita semua menggandakan usaha** dalam mencipta lebih banyak idea baharu yang mampu memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan. Inovasi ini, jika dimanfaatkan sepenuhnya, pasti dapat memakmurkan masyarakat desa secara keseluruhannya.

21. Saya amat berbangga kerana **KKDW dan agensi-agensi di bawahnya telah menunjukkan komitmen tinggi** dalam mempraktikkan inovasi. Pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang diterima adalah bukti kepada usaha gigih semua pihak. **Syabas dan tahniah saya ucapkan!**

22. Selain itu, **saya ingin menggesa badan-badan berkanun di bawah KKDW** yang memiliki syarikat atau

anak syarikat untuk terus mengaplikasikan teknologi dan inovasi baharu dalam setiap projek dan program yang dilaksanakan. Usaha ini penting bagi memastikan badan berkanun kita mampu menjadi ***profit centre*** yang menyumbang kepada pendapatan tinggi, dan bukan hanya sekadar **cost centre**.

MENDOAKAN KESEJAHTERAAN BUAT MANGSA-MANGSA BANJIR

Hadirin sekalian,

23. Saya ingin menyentuh sedikit tentang situasi bencana banjir yang sedang melanda negara ketika ini. Mungkin di kalangan kita ada ibu bapa, ahli keluarga, atau saudara-mara yang sedang diuji dengan musibah ini.

24. Kerajaan Madani kini memberikan tumpuan sepenuhnya dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang diakibatkan oleh banjir tersebut.

25. Oleh itu, saya mahu KKDW melalui setiap jabatan, agensi, dan anak syarikat untuk bersama-sama mengambil inisiatif yang sesuai serta menggerakkan usaha bagi membantu mangsa-mangsa banjir.

26. Saya ingin mencadangkan beberapa usaha untuk kita laksanakan di peringkat Kementerian seperti:

i. Pertama, memperhalusi dan menilai rumah-rumah di kawasan pedesaan yang rosak akibat banjir. Kita sediakan **rumah baharu atau membaik pulih** kediaman yang terjejas.

ii. Kedua, kita lancarkan **Tabung Derma Kilat Bantuan Banjir** dan menyediakan bantuan sama ada dalam bentuk kewangan atau barangan keperluan harian.

iii. Ketiga, marilah kita tubuhkan **Skuad Ihsan MADANI secara** menyeluruh **di peringkat Kementerian, agensi dan anak-anak syarikat.** Skuad ini boleh memberikan tumpuan terhadap *post-banjir*, bagi membantu keluarga mangsa yang terjejas.

27. Usaha ini bukan sahaja mencerminkan komitmen KKDW dalam membantu rakyat menghadapi musibah, tetapi juga membuktikan semangat kesatuan dan keprihatinan kita dalam menjaga kebajikan masyarakat desa yang terjejas.

PENUTUP

28. Mengakhiri ucapan ini, saya berharap semua warga KKDW dan agensi menjadikan pencapaian tahun 2024 sebagai penanda aras untuk kita melangkah dengan lebih cemerlang pada tahun 2025.

29. Allah SWT menciptakan kita untuk terus menjalankan tugas dengan penuh kecekapan dan kecemerlangan — seperti **konsep *Itqan Fil Amal*, atau *Striving for Excellence***. Semoga tahun hadapan kita dapat memulakan tradisi yang lebih mantap dan tersusun, membawa perubahan yang lebih baik dan lebih efisien.

30. Dengan lafaz Bismillahhirrahmanhirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Hari Inovasi KKDW Tahun 2024.